

Malaysia jadi pusat dagang Asia
Utusan Online
November 01, 2011
Oleh AZMAN IBRAHIM

KUALA LUMPUR 31 Okt. – Tiga buah negara, Mexico, Indonesia dan Turki (MIT) diramal muncul sebagai kuasa ekonomi terpenting dunia selepas Brazil, Rusia, India dan China (BRIC), demikian menurut Sekolah kepimpinan perniagaan dunia, IMD International (IMD).

Jejak MIT dijangka akan diikuti oleh Afrika Selatan.

Presiden IMD International, Dr. Dominique Turpin (gambar) berkata, MIT dijangka muncul dalam waktu yang pantas iaitu dalam tempoh 10 tahun akan datang.

Turpin berkata, terdapat beberapa faktor yang membawa kepada perkembangan itu terutamanya bilangan penduduk di ketiga-tiga negara itu yang sangat ramai dan padat.

Beliau berkata, bilangan penduduk amat penting dalam pertumbuhan ekonomi kerana ia memberikan jaminan pasaran domestik yang kukuh.

Selain itu katanya, sumber semulajadi dan mineral yang banyak di ketiga-tiga negara itu serta kekuatan dalam komoditi dan perladangan yang ditambah nilainya amat diambil kira dalam kemunculan sebagai kuasa baharu ekonomi.

“Berdasarkan kajian, kami (IMD International) mendapati pertumbuhan pesat ekonomi dunia muncul di kawasan selatan dunia. Ia bermula dengan Amerika Latin (Brazil, Mexico), Afrika (Afrika Selatan, Turki) dan Asia Tenggara (Indonesia),” katanya.

Beliau berkata demikian selepas menghadiri forum perniagaan IMD International dengan kerjasama Maju Holdings Sdn. Bhd. (Maju Holdings) yang bertajuk Memimpin Dengan Pemikiran Persaingan di sini hari ini.

Ditanya tentang kedudukan Malaysia sebagai kuasa ekonomi, Turpin berkata, Malaysia diramal menjadi pusat dan jambatan perdagangan di kawasan Asia yang hebat.

Katanya, kriteria yang dimiliki Malaysia seperti pelbagai kaum yang terdiri daripada India dan Cina, amat baik untuk perhubungan perniagaan antara negara India dan China.

Selain itu, faktor penduduk berbilang agama amat menarik perhatian perniagaan dari Asia Barat manakala kedudukannya yang strategik amat berpotensi untuk dijadikan pusat perniagaan yang termasyhur di kawasan Asia.

Ditanya tentang tiga industri dunia yang terkenal dan paling kukuh pada waktu ini, Turpin memberitahu, ketiga-tiga industri itu adalah penjagaan kesihatan, tenaga dan pengangkutan.

Katanya, populasi dunia didapati menjadi semakin matang dan berkembang, malah, pelbagai produk penjagaan kesihatan telah dihasilkan dari semasa ke semasa.

Mengulas tentang industri tenaga, beliau berkata, kebanyakan negara maju telah mengalih pembangunan tenaga mereka dengan membangunkan tenaga suria dan tenaga diperbaharui bagi memelihara alam sekitar.

Manakala pengangkutan, ujarnya, pengenalan kereta elektrik semakin mendapat sambutan di kalangan penduduk dunia dan pelbagai inovasi dan kreativiti dicipta bagi mempermudah urusan.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=1101&pub=Utusan_Malaysia&sec=Ekonomi&pg=ek_01.htm